

15 AUG 2002  
PIKOM-KWSP/I  
SKIM PENGELUARAN KWSP PATUT DITERUSKAN, KATA PIKOM

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia (PIKOM) hari ini mencadangkan supaya skim pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk membeli komputer peribadi patut diteruskan.

Dalam satu kenyataan hari ini, PIKOM berkata skim itu perlu dibenarkan sehingga satu mekanisme baru dipertimbangkan sebelum keputusan dibuat untuk menghentikannya.

"Jika diberi laluan yang betul, skim ini boleh diteruskan bagi memberi manfaat kepada orang ramai. Ini sejajar dengan wawasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad iaitu "satu rumah satu komputer", di samping mewujudkan masyarakat yang berpengetahuan dan celik IT," kata pengerusinya Looi Kien Leong.

Komen itu ialah sebagai maklum balas kepada laporan akhbar hari ini yang bertajuk "Skim Pengeluaran Untuk PC Mungkin diteruskan."

Beliau berkata PIKOM juga sedang meninjau peluang untuk mengadakan dialog dengan Kementerian Kewangan bagi mencadangkan mekanisme baru pembelian komputer peribadi menerusi skim pengeluaran KWSP.

Looi menambah ia patut lebih telus, kos yang betul satu-satu komputer komputer peribadi itu dan keberkesanannya bagi memastikan pembelian komputer peribadi secara fizikalnya bertukar tangan dari vendor kepada pengguna. -- BERNAMA

FA SD AA